

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	9 JUNE 2016

1.6 juta penjawat awam terima pada 13 Jun

# Bantuan khas raya RM500

UM - 9/6/2016

■ KUALA LUMPUR 8 JUN

**P**ERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengumumkan pemberian Bantuan Khas Kewangan RM500

kepada 1.6 juta penjawat awam sebagai persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Dalam kenyataan di sini, beliau berkata, bantuan khas RM250 akan turut dinikmati 743,000

pesara kerajaan sebagai menghargai jasa perkhidmatan mereka.

"Pembayaran bagi bantuan khas ini akan dibuat pada 13 Jun ini," katanya sambil menambah ia melibatkan anggaran peruntukan

kewangan RM1 bilion.

"Kerajaan berharap, pemberian bantuan khas ini dapat meringankan beban kewangan penjawat awam dan pesara bagi persiapan Hari Raya Aidilfitri 2016," kata beliau.

Najib menarik perhatian bahawa penjawat awam akan menikmati satu kenaikan gaji tahunan (KGT) pada Julai ini yang melibatkan anggaran implikasi kewangan RM1.1 bilion.

—BERNAMA